

BAB
KELIMA

BAB KELIMA

KESIMPULAN DAN PENUTUP

1. KESIMPULAN

Setelah dihuraikan beberapa teoritikal gagasan Pengislaman Ilmu Ismāīl al-Farūqī serta perkaitannya dengan pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM), maka dapatlah disimpulkan beberapa nokhtah penting yang meliputi persamaan dan perbezaan diantara kedua-duanya.

Pertama yang dapat disingkapkan ialah mengenai pengaruh pemikiran al-Farūqī terhadap perkembangan pendidikan di Malaysia. Pengaruh pertama yang diambil oleh pihak berwajib mengenai pendidikan di Malaysia daripada hasil pemikiran al-Farūqī, ialah meletakkan visi menyingkirkan amalan dualisme dalam pendidikan. Gesaan al-Farūqī supaya disepadukan antara warisan ilmu tradisional Islam dengan disiplin ilmu barat, telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pelaksanaan konsep kesepaduan ilmu, konsep tersebut telah dilaksanakan menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) (1987) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (1989). Dan dijadikan sebagai sukatan pelajaran dalam peperiksaan Sijil Terbuka.

Perlu dijelaskan, pelaksanaan kesepaduan ilmu itu, hanya dapat dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Kesepaduan dalam buku teks masih lagi terhalang disebabkan masalah metodologi penulisan. Mengimbangi permasalahan epistemologi itu,

Kementerian Pendidikan telah memasukkan elemen axiologi (teori nilai) ke dalam kurikulum dan buku teks. Enam belas nilai dalam KBSM seperti baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat.

Dapat disimpulkan bahawa usaha memasukkan unsur-unsur yang berpaksikan Tauhid seperti yang disaran oleh al-Farūqī telah dilaksana dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan diadunkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Unsur-unsur seperti kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Allah SWT), menjadikan pendidikan yang berterusan, memperkembangkan potensi individu, menyeluruh dan bersepadu, insan yang seimbang dan harmonis dari sudut intelek, rohani, emosi dan jasmani, berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara, telah dimasukkan dalam falsafah dan Kurikulum.

Ekoran daripada pelaksanaan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) itu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah diperluaskan kepada bahasa, nilai dan budaya sekolah bagi dihubung jalinkan dengan kurikulum. Usaha ini dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dikenali sebagai merentasi kurikulum yang sedia ada.

Pendekatan objektif gagasan Pengislaman ilmu al-Faruqi dan pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka, mempunyai perbezaan yang ketara. Al-Faruqi menggariskan objektifnya semata-mata untuk proses Islamisasi ilmu nya. Sementara objektif Pakej Sijil Terbuka menumpukan kepada objektif keduniaan semata-mata. Umpamanya berobjektifkan pekerjaan dan melanjutkan pelajaran ke Universiti. Walau bagaimanapun, objektif Pakej Sijil Terbuka ini telah diimbangi dengan objektif Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang sedikit sebanyak mempunyai unsur-unsur keagamaan.

Gesaan al-Faruqi supaya mata pelajaran Tamadun Islam diajar di peringkat Menengah Tinggi dan Universiti. Saranan itu telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan melalui kurikulum dan sukatan pelajarannya. Umpamanya mata pelajaran Sejarah tingkatan empat dan lima (yang menjadi sukatan pelajaran untuk disoal dalam Peperiksaan Sijil Terbuka), telah menjadikan tamadun awal manusia di Asia Tenggara dan dunia, Tamadun Islam di Madinah dari zaman Rasulullah SAW sehingga zaman khalifah al-Rasyidin sebagai perbincangan. Sementara bahagian Sejarah dalam Pendidikan Islam, telah diperluaskan perbincangannya, dan bahagian tersebut telah ditukar nama daripada Sejarah Islam kepada Tamadun Islam. Lebih jauh daripada itu, gesaan al-Faruqi supaya mewajibkan mata pelajaran Tamadun Islam di peringkat Universiti di Malaysia, semasa lawatannya pada tahun 1984. Telah disahut oleh Kementerian Pendidikan dengan mewajibkan mata pelajaran Tamadun untuk diajar di peringkat Universiti. Mata pelajaran itu, dikenali sebagai TITAS (Tamadun Islam dan Tamadun Asia).

Metodologi Pengislaman Ilmu al-Farūqi yang berdasarkan dari penakrifan Islamisasi Ilmunya, iaitu menyepadukan antara ilmu tradisional Islam dan ilmu moden lalu disusun semula dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam kaedah, strategi, data, masalah, objektif dan aspirasinya, telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pelaksanaan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Dan gabungan daripada kedua sumber itu disepadukan (di penghujungnya) dalam pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM). Segala prinsip, kaedah, strategi, data dan sebagainya telah pun disusun oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya dipraktikkan, dengan memberi kefahaman melalui kursus dan seminar kepada mereka yang terlibat dalam profesyen pendidikan dan dikendalikan oleh pihak Institut Aminuddin Baki (IAB). Sementara itu, kerjasama erat diantara Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Biro Buku Teks (BBT) dan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) berusaha mengeluarkan buku sukatan setiap mata pelajaran yang ditawarkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Pakej Sijil Terbuka (SPM). Buku tersebut memuatkan segala prinsip, kaedah, strategi dan sebagainya.

Gesaan al-Farūqi supaya disiplin warisan ilmu Islam dan disiplin ilmu moden barat perlu dipecahkan mengikut kategori, prinsip, metodologi, problem dan sebagainya juga dipraktikkan dalam Pakej Sijil Terbuka (SPM), di mana semua mata pelajaran yang ditawar dalam Pakej Sijil Terbuka telah disusun mengikut skema masing-masing di bawah lima kategori. Iaitu Kumpulan Pertama Teras, diikuti empat Kumpulan Pilihan/Elektif. Walaupun al-Farūqi

tidak memberikan contoh modul kategori dalam monograf Islamisasi ilmunya, tetapi usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ini sedikit sebanyak dilihat mengambil idea dan menafsirkannya, serta menyambung usaha-usaha yang telah dilakukan oleh ulamak-ulamak terdahulu seperti al-Ghazālī, Ibnu Sina, Ibnu Khaldūn dan lain-lan lagi.

Walaupun bagaimanapun skema yang terdapat dalam kumpulan mata pelajaran Pakej Sijil Terbuka itu, masih dapat diperbaiki dengan betul-betul merujuk kepada kumpulan fardu ain dan fardu kifayah. Umpamanya, kumpulan Elektif Pengajian Islam yang terdiri daripada mata pelajaran Syariah Islamiah, al-Quran dan al-Sunnah serta tasawwur Islam, perlulah dijadikan Kumpulan wajib, samada wajib dikalangan pelajar Islam aliran agama (SMKA/SMA) atau kepada pelajar sekolah aliran sains dan aliran sastera.

Kesepaduan ilmu seperti yang dicadangkan dalam pelan kerja gagasan Pengislaman Ilmu al-Faruqī tertumpu hanya kepada penyediaan buku teks sahaja. Tetapi Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha memperluaskan konsep kesepaduan kepada jalinan pilihan mata pelajaran samada “Eka Pengkhususan“ atau “Dwi Pengkhususan“ dalam Pakej Sijil Terbuka (SPM) serta kesepaduan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Termasuk Ujian Amali Perkara Asas Fardu Ain (PAFA).

Kekurangan metodologi warisan Islam yang telah diakui oleh al-Faruqī dalam monografinya, telah menjadi penghalang kepada penyediaan buku teks seterusnya membantutkan aspirasi Pengislaman ilmu. Masalah ini juga telah

Idea dua belas langkah proses Pengislaman Ilmu al-Farūqī itu telah dirialisasi dan divedok oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan merangkumkannya menjadi empat langkah. Iaitu **langkah pertama**; Pembetulan (*correction*) segala fakta yang bercanggah dengan Islam. **Langkah kedua**; Oreantasi (*Orientation*) memasukkan pandangan dan visi Islam. **Langkah ketiga**; penyelarasan (*reconciliation*) antara disiplin barat dan warisan Islam. Sementara **langkah keempat**; kesepaduan (*integration*) segala ilmu menurut pradigma yang berteraskan Tauhid.

Lima prinsip metodologi yang digariskan oleh al-Farūqī, iaitu Kesatuan Allah SWT, Kesatuan Ciptaan, Kesatuan Kebenaran, Kesatuan Hidup dan Kesatuan Kemanusiaan, masih lagi belegar dalam suasana teoritikal dan tidak mendasarkan kepada praktikal, dan tidak mendasar kepada praktikal. Hujahan yang boleh dibuktikan, ialah tandusnya penulisan buku teks di dalam menyerapkan prinsip-prinsip metodologi tersebut dalam bentuk tulisan teks.

Walau bagaimanapun dalam Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM), kelima-lima prinsip metodologi yang digarap oleh al-Farūqī itu, telah dimasukkan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang keduanya menjadi tunjang kepada Pakej Sijil Terbuka. Penerapan lima prinsip metodologi itu juga, telah diperkembangkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Segala Pakej yang ditawarkan dalam Sijil Terbuka, samada Pakej Pengkhususan dari “Eka Pengkhususan“ atau “Dwi Pengkhususan“ tidak akan

tercapai pelaksanaannya, sekiranya prasarana di sekolah tidak mencukupi. Seperti penyediaan makmal, bengkel dan peralatan pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan para guru yang pakar dalam bidang masing-masing.

2. SARANAN

Bertitik tolak ulasan penulisan dalam bab I, II, III, IV dan seterusnya dari kesimpulan ringkas yang telah dinukilkan oleh penulis di atas. Maka dapatlah dicatatkan beberapa saranan dari penulis, untuk dijadikan saham yang manfaat kepada aspek pengamalan dan perkembangan ilmu. Lebih-lebih lagi usaha-usaha Pengislaman ilmu ini masih berada dalam peringkat cita-cita bagi merialisasikan kesempurnaannya. Antara saranan tersebut, adalah :-

- (a) Mengingatkan kepada para ilmuan dan pihak berwajib dalam pendidikan supaya meletakkan gagasan Pengislaman Ilmu al-Farūqi, sebagai usaha ijtihad yang perlu disokong dan didokong oleh generasi sekarang dan akan datang.
- (b) Kepada para pencinta ilmu, seharusnya meletakkan landasan gagasan Pengislaman Ilmu al-Farūqi sebagai suatu usaha untuk menemukan semula landasan epistemologi Islam. Justeru itu, usaha itu perlu dikaji dan diperkembangkan menjadi suatu pengkaedahan yang terbaik untuk diamalkan.

- (c) Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, adalah disyorkan supaya Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM) ini dikekalkan, malah diperbaiki mana-mana kekurangan yang ada. Umpamanya, dalam pengkelasan kategori serta skema mata pelajaran yang ditawarkan perlu diperkemas mengikut keutamaan serta bercirikan pembahagian fardu ain dan fardu kifayah.
- (d) Adalah disarankan juga, kumpulan skema mata pelajaran Teras dalam Pakej Sijil Terbuka, hendaklah diperluaskan skemanya. Terutamanya, mata pelajaran Pendidikan Islam. Malah adalah perlu Kumpulan Elektif Pengajian Islam, yang terdiri daripada Tasawwur Islam, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah serta Pendidikan Syariah Islamiah dijadikan sebagai Kumpulan Teras.
- (e) Kepada pihak berwajib dalam urusan pendidikan di Malaysia, seperti Kementerian, Jabatan, Universiti, Kolej, Institusi, Sekolah dan sebagainya, perlu mengambil perhatian daripada gesaan al-Faruqi supaya dihapuskan dualisme di dalam sistem pendidikan. Lantaran itu, Falsafah Pendidikan Negara (FPN), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka hendaklah dikekalkan seterusnya diperbaiki dan dipraktikkan, kerana ketiga-tiga pelaksanaan itu merupakan strategi yang cukup berkesan untuk menyingkirkan amalan dualisme dalam pendidikan.

- (f) Adalah disyorkan juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) supaya memperluaskan lagi pelaksanaan konsep pendidikan bersepadu dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) serta perkaitannya dengan Pakej Sijil Terbuka (SPM). Memperkemaskan pelaksanaan itu meliputi memberikan kefahaman dalam bentuk bengkel, seminar dan kursus kepada guru serta pentadbir sekolah mengenai objektif, visi dan cara pelaksanaan dalam pengajaran dan pembelajaran konsep pendidikan bersepadu.
- (g) Kepada Institusi pelaksana bagi melatih para guru yang sedang berkhidmat atau baru, seperti Institut Aminuddin Baki (IAB), Fakulti Pendidikan disemua Universiti serta Maktab Perguruan supaya mewujudkan kefahaman yang jitu mengenai konsep pendidikan bersepadu dan kaitannya dengan Pengislaman Ilmu kepada semua profesyen guru. Dan kalau perlu, gagasan Pengislaman Ilmu al-Farūqī dijadikan sebagai satu kursus yang perlu difahami dan dipraktikkan.
- (h) Adalah disyorkan juga kepada semua Institusi pengajian tinggi atau Institut Pemikiran Dan Tamadun Islam (ISTAC) supaya menganjurkan seminar bersiri mengenai gagasan Pengislaman Ilmu. Dengan mengumpulkan semua Cendiakawan dan para Sarjana Islam untuk memperluas dan memperkayakan metodologi penyelidikan Islam.

- (i) Disarankan juga kepada pihak yang berwajib dalam bidang pendidikan, supaya membentuk pasukan para intelektual yang punyai kepakaran dalam bidang masing-masing supaya menggenumu dan menyepadukan disiplin ilmu warisan traditional Islam dan disiplin ilmu barat untuk disepadukan seterusnya ditiup dengan visi Islam. Dan segala disiplin yang telah di Islamisasikan, hendaklah dibukukan seterusnya diguna pakai diperingkat Universiti dan Menengah Tinggi.

- (j) Kepada muslimin dan muslimat disarankan supaya menyokong dan menerima idea Islamisasi ilmu al-Farūqī. Idea tersebut tidak lain dan tidak bukan merupakan sebuah ijihad yang bertujuan menyelamatkan umat manusia dari penyakit “*malaise*“, disebabkan oleh pengamalan dualisme dalam pendidikan.

- (k) Akhirnya, kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, disyorkan supaya menyediakan prasarana yang mencukupi dan lengkap di sekolah. Baik dari sudut penyediaan bengkel teknikal, makmal sains serta penyediaan guru pakar yang dapat mengajar setiap subjek yang ditawarkan dalam Pakej Sijil Terbuka.

3. PENUTUP

Secebis usaha murni yang dilakukan oleh al-Farūqi dengan menggariskan beberapa langkah proses Pengislaman Ilmu, dilihat oleh penulis tidak boleh dipandang nisbi oleh umat Islam di seluruh dunia terutamanya di Malaysia. Anggapan dan telahan dengan menyatakan semua ilmu Allah SWT telah Islam dan tidak perlu di Islamkan lagi, merupakan suatu telahan yang dangkal dan cetek. Ini kerana, proses Islamisasi ilmu yang digagaskan oleh al-Farūqi adalah bersifat menghubungkan dan menyepadukan disiplin warisan tradisional Islam dengan disiplin ilmu moden barat. Kesepaduan itu seterusnya ditiupkan dengan visi Islam.

Sesungguhnya, perkembangan dan cabaran yang sedang dihadapi oleh khalayak umat Islam di abad ke-21 dan alaf baru, memerlukan suatu strategi yang kukuh untuk menghadapinya. Lantaran itu, usaha dalam proses Pengislaman Ilmu merupakan salah satu ke arah itu. Oleh yang demikian, dalam kajian ini penulis telah menemui beberapa nokhtah pertemuan diantara saranan gagasan Islamisasi ilmu al-Farūqi dengan pengamalan Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM) yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sesuatu yang dirasa boleh dibanggakan, dengan pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM), dan tunjangnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) serta Falsafah Pendidikan Negara (FPN), adalah kedudukannya yang sudahpun berada dilandaskan gagasan Islamisasi Ilmu yang

digarap oleh al-Farūqi. Walaupun, al-Farūqi lebih menekankan proses Islamisasi ilmu itu dilakukan diperingkat Universiti.

Justeru itu, pelaksanaan tersebut perlulah dikekalkan dan diperbaiki dari masa ke semasa, semoga dengan pelaksanaan itu, akan meruntuhkan terus amalan dualisme dalam pendidikan, seterusnya mendirikan kesepaduan ilmu dan tiupan visi Islam di atas runtuhannya itu.

والله أعلم بالصواب واليه المرجع والمآب، ربنا هب لنا
من أزواجنا وذرياتنا قرة أعين واجعلنا للمتقين إماما . ربنا آتنا في
الدنيا حسنا وفي الآخرة حسنة وقنا عذاب النار ربنا اغفر لنا ذنوبنا
ولو الديننا ولجميع المسلمين والمسلمات الأحياء منهم والأموات وآخر
دعواتنا أن الحمد لله رب العالمين